

PERMOHONAN UNTUK RESIT AMANAH-I
KEPADA
UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD (271809K)

PENIGIRIMAN DOKUMEN DIHANTAR KEPADA		NO. T/R	NO. LC/IBC	KEMATANGAN
		MELIPUTI BARANGAN DINYATAKAN DI SINI UNTUK JUMLAH:		
		MATAWANG ASING	KADAR PERTUKARAN	MATAWANG TEMPATAN
NO. AKAUN		HURAIAN BARANGAN		
TANDA & PAKEJ	KUANTITI	MAKLUMAT PENGIRIMAN		

Tuan

Dalam mempertimbangkan penghantaran dokumen/dokumen hak milik Perkapalan anda kepada kami (berkaitan dengan barangan yang dinyatakan di atas yang dijanjikan untuk anda) atas terma bahawa dokumen dan barangan tersebut adalah berkaitan dan hasil jualan dipegang oleh kami sebagai amanah untuk anda, kami **BERJANJI DAN BERSETUJU** seperti berikut:-

- Merujuk kepada Surat Tawaran dan/atau Perjanjian Kemudahan, atas pembelian Barangan oleh kami (yang bertindak bagi pihak Bank), kami dengan ini berjanji secara muktamad untuk membeli barangan tersebut daripada Bank pada Harga Jualan yang akan dibayar mengikut kaedah seperti yang ditetapkan oleh Bank.
- Bank dengan ini melantik pelanggan sebagai ejen pembelian Bank untuk membeli daripada pembekal barangan yang diperlukan, stok, inventori dan barangan khusus untuk jenis perniagaan (selepas ini dirujuk sebagai Barangan), dan atas pembelian Barangan oleh pelanggan (yang bertindak bagi pihak Bank), pelanggan dengan ini berjanji secara muktamad untuk membeli Barangan dari Bank pada Harga Jualan yang akan dibayar mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Bank "selaras dengan kaedah yang dipersetujui oleh semua pihak" Atau "selaras dengan kaedah yang ditentukan oleh Bank".
- Untuk membeli barangan yang dinyatakan di atas dan akan membayar anda jumlah Ringgit Malaysia (RM) pada terma bayaran tertanggung di sebabkan wang yang mana dokumen dan barangan yang dinyatakan di atas telah dicagarkan tidak lewat daripada (selepas ini dirujuk sebagai "tarikh tamat tempoh") bersama-sama dengan keuntungan pada kadar peratus (%) tambah Kadar Pembiayaan Asas setahun anda (kemudian dari ini dirujuk sebagai "Kadar Ditetapkan") dari tarikh pembayaran/pendahuluan sehingga bayaran tersebut, bersama dengan semua kos, caj, cukai, levi dan perbelanjaan.
- Untuk menghantar barang seperti dokumen berkaitan (selepas ini dirujuk sebagai "Barangan") secara eksklusif bagi tujuan menjualkannya untuk anda kepada pelanggan anda dan kami mengakui bahawa kami memegang Barangan tersebut atas amanah mengikut arahan anda, tetapi kami akan menanggung semua risiko dan perbelanjaan yang berkaitan dengan penerimaan Barangan tersebut.
- Untuk mendarat, menyimpan dan memegang Barangan dalam akaun anda dan sebagai Agen dan Baili untuk mengendalikannya sebagai harta anda. Anda mempunyai hak untuk memeriksa Barangan tersebut pada bila-bila masa.
- Tidak menjual atau sebaliknya melupuskan mana-mana Barangan pada terma tertunda (selain daripada kredit perdagangan lazim) atau untuk sebarang pertimbangan tanpa wang atau untuk kurang daripada nilai pasaran semasa tanpa kebenaran bertulis anda terlebih dahulu.
- Menginsuranskan/Melindungi Barangan pada setiap masa daripada semua risiko yang boleh diinsuranskan/dilindungi, termasuk kebakaran dan banjir pada nilai penuh, dan untuk memegang polisi dan hasil dalam amanah bagi anda. Jika berlaku kerugian atau kerosakan Barangan atas apa-apa sebab sekalipun, untuk membayar semua wang yang diterima daripada syarikat insurans/pengendali takaful dengan serta-merta atau sebaliknya berhubung dengan kerugian atau kerosakan sedemikian dan untuk menyelesaikan sebarang kekurangan. Barangan adalah pada risiko kami.
- Untuk membayar semua caj tambang muatan, gudang, demaga, transit dan caj lain, serta sewa dan semua kos lain berhubung dengan dan sampingan kepada Barangan dan untuk menanggung rugi anda terhadap yang sama.
- Untuk menyimpan Barangan berasingan daripada sebarang keluaran barangan lain pada setiap masa, sama ada ia dimiliki oleh kami atau mana-mana individu lain.
- Untuk menasihatkan anda mengenai lokasi Barangan pada setiap masa dan tidak membenarkan yang sama untuk diproses atau diubah tanpa kebenaran bertulis anda terlebih dahulu.
- Untuk menghantar salinan invois jualan kami untuk Barangan tersebut kepada anda dengan serta-merta apabila yang sama dikeluarkan menunjukkan nama pembeli dan jumlah harga jualan bagi setiap kes.
- Untuk menasihatkan anda mengenai sebarang perubahan dalam keadaan, kualiti atau kuantiti Barangan, dan untuk menyimpan Barangan bebas daripada sebarang gadai janji, caj, cagaran, lien atau bebanan lain.
- Untuk mengembalikan kepada anda semua dokumen perkapalan/dokumen hak milik dan Barangan yang diwakili dengan segera di mana anda belum menerima prosid pada masa tersebut, pada permintaan pertama anda. Kami juga memberi kuasa secara muktamad kepada anda,

kakitangan atau agen anda untuk memasuki gudang atau kawasan lain di mana Barangan mungkin ditempatkan bagi tujuan pengambilan atau pemeriksaan Barangan, dan kami bersetuju bahawa anda, pada bila-bila masa selepas pengambilan tersebut dan tanpa notis kepada kami, boleh menjual Barangan tersebut dalam cara dan harga sedemikian yang anda anggap sesuai dan menggunakan prosid bersih daripada jualan untuk atau terhadap penyelesaian jumlah terhutang oleh kami kepada anda pada masa tersebut.

14. Anda tidak mempunyai apa-apa tanggungjawab sekalipun ke atas ketepatan, kesahihan atau kelengkapan dokumen yang diserahkan kepada kami atau untuk kewujudan, sifat, kualiti, keadaan, nilai pembungkusan atau penghantaran Barangan.
15. Kami dengan ini bersetuju untuk melindungi anda, wakil dan agen anda pada permintaan terhadap semua tindakan, tuntutan, permintaan, kos, perbelanjaan, liabiliti dalam apa-apa bentuk sekalipun, dan kerugian masa kini atau masa hadapan yang ditanggung oleh anda atau mana-mana dari mereka, atau oleh mana-mana agen, pegawai atau kakitangan di mana anda atau mereka mungkin bertanggungjawab untuk apa-apa yang berlaku atau yang ditinggalkan berhubung dengan atau yang timbul daripada pengeluaran dokumen anda kepada kami atau sebaliknya berhubung dengan Barangan.
16. Jika kami tidak membayar wang tersebut pada tarikh matang, kami akan membayar anda (kedua-dua sebelum dan selepas sebarang permintaan atau penghakiman) pampasan pembayaran lewat (Ta'widh) sehingga tempoh di mana wang tersebut telah diterima sepenuhnya daripada kami.
17. Tiada kegagalan atau kelewatan pada pihak anda dalam melaksanakan ataupun apa-apa peninggalan untuk melaksanakan sebarang hak, kuasa atau remedi yang ditanggung oleh anda untuk sebarang keingkaran pada pihak kami akan menjejaskan hak, kuasa atau remedi tersebut atau ditafsirkan sebagai penepian atau apa-apa persetujuan dalam keingkaran sedemikian.
18. Resit Amanah-i ini dilaksanakan secara berterusan walaupun berlakunya kematian, kebangkrapan, pembubaran, ketidakupayaan atau apa-apa perubahan dalam perlembagaan mana-mana pihak di kalangan kami, atau sebarang penyelesaian akaun, atau apa-apa perkara lain sekalipun, dan merupakan tambahan kepada dan tidak akan bergabung dengan atau sebaliknya mempengaruhi atau menjejaskan lien jurubank am anda atau sebarang kontrak atau hak atau remedi lain, atau apa-apa jaminan, lien, cagaran, bil, nota, gadai janji atau sekuriti lain (sama ada diwujudkan oleh simpanan dokumen atau sebaliknya) pada masa kini atau masa hadapan yang dipegang oleh atau disediakan untuk anda dan tidak boleh dalam apa-apa cara pun mempengaruhi atau menjejaskannya selepas itu, atau oleh ketidaksahan darinya atau oleh anda mengendalikan, menukarkan, mengeluarkan, mengubah atau menahan dari menyempurnakan atau menguatkuasakan mana-mana yang sama, atau sebarang hak yang anda mungkin miliki pada masa kini atau masa hadapan, atau memberi masa untuk pembayaran atau melengahkan atau bergabung dengan mana-mana individu yang bertanggungjawab.
19. Anda berhak dan dengan ini diberi kuasa oleh kami secara muktamad pada bila-bila masa selepas ini untuk mendebitkan akaun yang kami kekalkan dengan anda dengan jumlah yang terhutang kepada anda untuk semua wang dan keuntungan yang perlu dibayar di sini termasuk pampasan pembayaran lewat (Ta'widh) ke atasnya berhubung dengan Barangan, tetapi pendebitan sedemikian tidak boleh dilaksanakan atau mempunyai sebarang kesan sebagai pembayaran atau penyelesaian sebarang jumlah yang didebitkan, melainkan pada tahap yang sama atau sebahagian daripadanya dipenuhi atau diselesaikan terhadap sebarang jumlah kredit dalam akaun berkenaan.
20. Kami bertanggungjawab untuk membayar sebarang cukai atau levi lain yang, pada tarikh permohonan ini atau pada apa-apa tarikh selepas tarikh permohonan ini, diperlukan oleh undang-undang untuk dibayar kepada mana-mana individu atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank, berkenaan dengan sebarang wang yang dikenakan atau ditanggung oleh Bank berhubung dengan permohonan ini. Sebarang cukai atau levi lain yang ditanggung oleh Bank melakukan pembayaran bagi pihak kami, kami akan bertanggungjawab untuk membayar balik kepada Bank sebarang jumlah yang dibayar sedemikian.
21. Tanpa menjejaskan dan sebagai tambahan kepada sebarang lien am atau hak lain di mana anda sebagai jurubank mungkin miliki atau berhak dari segi undang-undang, anda mempunyai hak berterusan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa pada budi bicara anda dan dengan notis terdahulu atau permintaan serta-merta menyelesaikan dan memindah sebarang wang yang kami mungkin miliki dalam semua atau mana-mana akaun yang kami kekalkan dengan anda (sama ada deposit semasa atau dalam apa-apa bentuk lain sekalipun sama ada tertakluk kepada notis atau sebaliknya dan sama ada dalam Ringgit atau dalam apa-apa mata wang lain) di mana sekali ia ditempatkan dan menggunakan yang sama dalam atau terhadap penyelesaian liabiliti kami di bawahnya untuk tujuan di mana anda boleh melaksanakan kombinasi atau gabungan akaun sebagaimana yang anda anggap sesuai. Jika mana-mana akaun dalam kredit dinyatakan dalam mata wang selain daripada Ringgit, anda boleh menukarkannya kepada Ringgit pada kadar semasa anda untuk pembelian atau pertukaran mata wang tersebut.
22. Sebarang notis tuntutan oleh anda boleh dilakukan secara bertulis dengan meminta pembayaran dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh permintaan, dan permintaan tersebut boleh ditandatangani bagi pihak anda oleh Pengurus anda atau mana-mana pegawai lain anda atau oleh mana-mana peguam cara atau firma peguam cara yang bertindak untuk anda. Notis tersebut akan dianggap telah dihantar kepada kami jika ia dihantar melalui pos biasa ke alamat biasa atau alamat terakhir perniagaan kami selepas pengiriman 48 jam walaupun ia tidak dihantar atau dikembalikan tanpa dihantar. Dalam membuktikan perkhidmatan tersebut, ia adalah mencukupi untuk anda membuktikan bahawa notis tersebut telah dialamatkan dengan betul dan dihantar.
23. Jika ditandatangani oleh firma, Resit Amanah-i ini akan mengikat semua individu dari semasa ke semasa yang menjalankan perniagaan di atas nama firma tersebut atau di bawah nama di mana perniagaan firma tersebut mungkin diteruskan dari semasa ke semasa, walaupun dengan persaraan atau kematian mana-mana rakan kongsi atau pengenalan mana-mana rakan kongsi selanjutnya.
24. Jika Resit Amanah-i ditandatangani oleh dua atau lebih individu, semua pengaturan, tanggungjawab, jaminan dan liabiliti yang terkandung atau tersirat di sini adalah bersama dan berasingan dan akan ditafsirkan dengan sewajarnya. Dalam pembentukan Resit Amanah-i ini, rujukan kepada kata nama majmuk akan termasuk mufrad di mana sesuai, dan sebaliknya.
25. Resit Amanah-i ini akan ditadbir dan ditafsirkan dalam semua aspek mengikut undang-undang Malaysia dan kami dengan ini secara muktamad menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia. Namun demikian, Resit Amanah-i ini boleh dikuatkuasakan dalam mana-mana bidang kuasa mahkamah berwajib. Ini mengesahkan bahawa pembiayaan ini, seperti yang diliputi dalam transaksi yang dinyatakan di sini adalah untuk transaksi perdagangan semasa dan tidak dibiayai dalam apa-apa cara lain dan kami berjanji bahawa kami tidak akan mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan lain untuk transaksi ini selagi jumlah penuh daripada harga jualan barangan atau mana-mana bahagian daripadanya belum dibayar sepenuhnya kepada anda oleh kami; dan

26. Bank tidak diwajibkan untuk melaksanakan sebarang permohonan atau arahan yang mungkin, pada pendapat Bank, bertentangan dengan sebarang undang-undang, peraturan, arahan, sekatan, atau permintaan mana-mana bidang kuasa, atau jika Bank mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pelanggaran keselamatan, penipuan, tindakan jenayah, kesalahan atau pelanggaran sebarang undang-undang atau peraturan telah, atau akan, dilakukan. Bank tidak perlu mendedahkan apa-apa maklumat yang timbul daripadanya kepada kami, dan Bank boleh melakukan apa-apa sahaja yang diperlukan untuk mematuhi undang-undang, peraturan, arahan, sekatan, atau permintaan sedemikian, DAN tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami akibat darinya.

Bertarikh pada _____ hari _____

DITANDATANGANI oleh)
)
)
untuk dan bagi pihak)
)
DITANDATANGANI oleh)
)
)
untuk dan bagi pihak)
)

Tarikh :

UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD (271809K)
 Pusat Operasi Perdagangan
 Tingkat 7, Bangunan UOB,
 10-12, Medan Pasar,
 50050 Kuala Lumpur.

Tuan, Permohonan Pembiayaan Resit Amanah Islamik

(RA-i)

Kami dengan ini memohon untuk mendapatkan pembiayaan TR-i bagi bil kami, dengan butiran seperti berikut:-

Mata Wang Tempatan RA-i

Mata Wang Asing RA-i

Jumlah pembiayaan:	
Tempoh:	

Kami sertakan di sini dokumen sokongan seperti berikut:

Dokumen yang Disertakan	Invois	BL	AWB	DO	Deklarasi Kastam	Lain-lain

Bagi menyelesaikan invois pembekal kami, kami meminta anda untuk:-

Melaksanakan bayaran melalui pemindahan bertelegraf/mengeluarkan perintah juruwang kepada pembekal kami. Butiran pembekal kami adalah seperti berikut:-

Nama Pembekal (Penerima)		Jumlah Pengiririman:	
Nombor Akaun:		Caj adalah untuk akaun Pemohon/Penerima:	
Akaun Dengan:			

Membayar balik kepada kami dengan mengkreditkan nombor akaun kami _____ dengan anda kerana kami telah menghantar bayaran terus kepada pembekal kami pada _____ (hhbtt) melalui nombor akaun kami _____ dengan _____ (bank). (Bukti pembayaran disertakan)

Kami telah menempah kadar Pertukaran Asing: _____ no. kontrak : _____ untuk tarikh nilai _____ dengan peniaga _____.

Kami dengan ini memberi kuasa kepada anda untuk mendebitkan Akaun Semasa Islam (CA-i) / Akaun Semasa Asing (FCA) kami no: _____ untuk sebarang caj, cukai atau levi yang ditanggung / perbezaan untuknya (jika ada). Selanjutnya, kami memberi kuasa kepada anda untuk mendebitkan CA-i/FCA kami no. _____ pada tarikh pembayaran untuk penyelesaian penuh bagi bil di atas, keuntungan dan apa-apa bayaran sampingan tanpa rujukan kami terlebih dahulu.

Kami dengan ini mengaku bahawa tiada sumber kewangan lain telah diperolehi, atau akan diperolehi untuk transaksi berkenaan.

Yang benar

Tandatangan yang Dibenarkan

Bank tidak bertanggungjawab untuk melaksanakan apa-apa permohonan atau arahan yang mungkin, pada pendapat Bank, bertentangan dengan sebarang undang-undang, peraturan, arahan, sekatan, atau permintaan dari mana-mana bidang kuasa, atau jika Bank mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu pelanggaran keselamatan, penipuan, tindakan jenayah, kesalahan atau pelanggaran sebarang undang-undang atau peraturan telah, atau akan, berlaku. Bank tidak perlu mendedahkan sebarang maklumat yang timbul daripadanya kepada kami, dan Bank boleh melakukan apa-apa sahaja yang diperlukan untuk mematuhi undang-undang, peraturan, arahan, sekatan, atau permintaan sedemikian, DAN tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami akibat daripadanya.